



PASUKAN PETUGAS KHAS IMUNISASI COVID-19 *COVID-19 IMMUNISATION TASK FORCE (CITF)*

PENJELASAN MENGENAI PENGLIBATAN PERUBATAN AM SWASTA (GP) DALAM PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN

Laporan berkaitan penglibatan pengamal perubatan am swasta (GP) untuk Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang dilaporkan di media adalah dirujuk.

Pasukan Petugas Khas COVID-19 (CITF) amat menghargai perkhidmatan yang diberikan oleh GP dalam PICK, yang pastinya telah menyumbang kepada pencapaian negara mencatatkan kadar vaksinasi harian per kapita antara terpentas di dunia baru-baru ini.

Sehubungan itu, dakwaan yang menyatakan bahawa penglibatan GP akan dihentikan adalah tidak tepat. Sebaliknya, penglibatan GP di masa hadapan akan dipertimbangkan dalam menjamin kesinambungan kepada program imunisasi COVID-19 kerana tiada lagi PPV akan beroperasi ketika itu.

Untuk makluman, CITF mengambil kira pelbagai perkara dalam pengoperasian PICK, seperti kapasiti Pusat Pemberian Vaksin (PPV), bilangan individu yang perlu disuntik dan bekalan vaksin. Keperluan semasa seperti kawalan wabak juga mempengaruhi pelaksanaan PICK sebagai satu program imunisasi COVID-19 di seluruh negara.

Baru-baru ini, Operasi Lonjakan Kapasiti telah dilaksanakan bermula 26 Julai sehingga 1 Ogos untuk mengawal wabak COVID-19 di Lembah Klang. GP menyumbang lebih kurang lima peratus daripada keseluruhan suntikan yang diberikan sepanjang tempoh ini. Setakat 21 Ogos 2021, populasi dewasa Lembah Klang yang telah menerima sekurang-kurangnya dos satu adalah sebanyak 107.7 peratus, yang juga mengambil kira vaksinasi yang diberikan kepada penduduk tanpa dokumen dan golongan bukan pemastautin.

Lanjutan selesainya operasi ini, wujud keperluan untuk bilangan PPV di Lembah Klang dikurangkan, termasuk yang melibatkan para GP. Di Lembah Klang, setakat 22 Ogos, 12 PPV telah ditutup dan dari 23 sehingga 29 Ogos, 21 PPV lagi akan ditutup. Daripada 32 PPV yang ditutup, tujuh adalah PPV Awam.

Untuk masa hadapan, akan dimuktamadkan keperluan baharu seperti dos penggalak (booster dose), vaksinasi remaja (umur 12-17 tahun) serta vaksinasi berterusan untuk pendaftar baru dari masa ke masa.

Pengumuman pelaksanaan perkara-perkara ini dan lain-lain lagi perkara akan dibuat dari semasa ke semasa, apabila perancangan yang lebih konkrit berasaskan data, keperluan serta polisi sama ada yang baharu atau yang sedia ada diputuskan oleh semua pihak.

CITF berharap agar semua pihak tidak membuat sebarang spekulasi mengenai perkara ini, sebaliknya memandangi ke hadapan dan memperkukuhkan lagi usaha untuk memerangi pandemik COVID-19.

– TAMAT –

Dikeluarkan pada: 22 Ogos 2021